

01/09/1997

Usaha menambah bilangan kelas menengah Melayu

Bakhari Ariff

SESETENGAH ahli sosiologi memisahkan golongan masyarakat dari segi psikologi kepada tiga bahagian, iaitu golongan raja atau pemimpin, pertengahan dan hamba. Meskipun garis pemisah di antara tiga golongan itu agak longgar, ia boleh dijadikan titik tolak perbincangan.

Golongan pertengahan selalunya paling menonjol dari sudut bilangannya berbanding golongan hamba atau raja. Hukum keseimbangan sosial juga berangkali memerlukan lebih banyak golongan pertengahan.

Atas andaian ini barangkali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-40 menyatakan, kerajaan berhasrat untuk membesarkan peratus bilangan kelas menengah dalam masyarakat.

Oleh sebab peratusan kelas menengah di kalangan kaum lain lebih tinggi, bilangan Bumiputera perlu ditingkatkan agar lebih seimbang. Dr Mahathir mengambil contoh, kawasan perumahan yang diduduki oleh satu kaum saja kerana Bumiputera tidak mampu membeli rumah khususnya kos sederhana tinggi.

Meminjam kata Perdana Menteri, jika kita berjaya mengimbangkan kelas menengah Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam kelas yang sama, maka kestabilan negara kita akan lebih terjamin.

Perhimpunan Agung Umno selama empat hari bermula mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita Khamis ini dijangka turut membahaskan peri penting usaha memperluaskan kolam kelas menengah Melayu.

Presiden Perdana Management & Consultancy Sdn Bhd, Dr Barjoyai Bardai, berkata kerajaan tiada pilihan selain mewujudkan peluang kepada golongan Melayu meningkatkan taraf hidup.

Selain itu, beliau bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa mewujudkan kelas menengah Melayu itu juga penting bagi mengekalkan kestabilan politik dan negara serta membolehkan masyarakat Melayu terus bersaing.

Negara seperti Ireland berjaya mencapai taraf negara maju, tetapi gagal membendung huru-hara yang timbul berikutan pengagihan ekonomi yang tidak seimbang mengakibatkan ketidakstabilan politik.

Bagaimanapun, agak sukar untuk kita melakar garis pemisah golongan ini berbanding golongan lain dalam keseluruhan struktur masyarakat. Dr Mahathir memberi definisi sebagai mereka yang berpendapatan sederhana atau 'middle-income class'.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad, iaitu menteri yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menambah bilangan kelas menengah, memberi petunjuk pendapatan sebagai sasaran mengenali kelas berkenaan.

Mustapa menetapkan sasaran pendapatan RM5,000 hingga RM10,000 sebagai kelompok kelas menengah.

Seorang pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdul Rahman Embong, ketika ditemui baru-baru ini menganggap kemunculan kelas menengah sebagai satu fenomena penting zaman ini.

Rahman Embong mencadangkan tiga pendekatan untuk mengenali kelas menengah iaitu hubungan dengan keupayaan pasaran, hubungan dengan negara dan pemilikan kelulusan pendidikan yang antara lain memberikan ciri budaya dan cara hidup sepunya.

Berdasarkan data yang dikumpulkan oleh agensi kerajaan, Rahman membahagikan kepada tiga sub-golongan kelas menengah berdasarkan petunjuk

pekerjaan, iaitu:

\* Golongan menengah `baru' iaitu pengurus dan golongan profesional yang terdiri doktor, peguam dan pensyarah.

\* Golongan menengah `lama' iaitu daripada usahawan kecil dan sederhana (IKS) iaitu mengusaha perniagaan secara sendiri.

\* Pekerja kolar putih seperti kerani, guru, jururawat dan pembantu pentadbir.

Menurut Rahman, walaupun kewujudan kelas menengah sebelum kemerdekaan pada 1957 lagi, kemunculannya semakin menonjol selepas pelaksanaan tiga pendekatan.

Pertamanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 yang memberi kelebihan kepada Bumiputera. Kedua, peluang pendidikan khususnya pendidikan tinggi dan ketiga melalui pengembangan sektor awam dengan melaksanakan strategi `kerajaan-dalam-perniagaan' atau program pengswastaan.

DEB yang dirangka berikutan peristiwa 13 Mei 1969 ternyata memberi wajah Malaysia yang lebih seimbang.

(END)